

Karnival Sukan Kolej Kediaman UMS 2019 meriah

UB 17.10.2019 15

KOTA KINABALU:

Karnival Sukan Kolej Kediaman (KARSUKOL) UMS 2019 baru-baru ini dijalankan di bawah pengantjaran Pusat Sukan, Universiti Malaysia Sabah.

Karnival yang melibatkan penyertaan daripada semua Kolej Kediaman UMS di Kota Kinabalu, Sandakan dan Labuan ini berjalan dengan jayanya.

Kediaman Ecopark, Kolej Kediaman 1 Borneo (KK1B) dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher (KKAKF) turut sama memeriahkan karnival ini dan masing-masing berjaya memenangi pingat emas di dalam kategori tenping boling, petanque dan tenis.

Secara keseluruhannya

Kediaman Non Residen menjadi juara keseluruhan manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing disandang oleh Kolej Kediaman Tun Fuad dan Kolej Kediaman Excellent.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman Ecopark, KK1B dan KKAKF, sukan adalah salah satu elemen yang baik bukan sahaja di dalam menonjolkan bakat sedia ada dalam kalangan pelajar Kolej Kediaman dan seterusnya diangkat menjadi wakil UMS di dalam mana-mana kejohanan tempatan dan antarabangsa.

“Ia juga menjadi wadah dalam membentuk semangat bekerjasama dan bantu membantu dalam kalangan pelajar dan pengurusan

Kolej Kediaman masing-masing dan ini mendorong pelajar untuk terus maju ke hadapan,” katanya.

Terdahulu di dalam ucapan penutupan program, Pengarah Pusat Sukan UMS Ahmadi Nurdin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurusan Kolej Kediaman dan semua peserta yang terlibat sepanjang program ini berjalan.

Pihak Pusat Sukan UMS akan sentiasa memantau prestasi pelajar-pelajar yang terlibat di dalam bidang sukan dan akan membantu mereka untuk ke peringkat yang lebih tinggi dengan menghantar mereka ke kejohanan tempatan dan antarabangsa dari masa ke masa.



TANDA KENANGAN: Sesi bergambar majlis penutupan KARSUKOL 2019 bersama-sama dengan pengarah Pusat Sukan dan peserta KARSUKOL 2019.